

06 MAR 2000

Muhammad-MT

MUHAMMAD DIBENAR HADIR SEMULA MESYUARAT MT HARI INI

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib, yang dibenarkan hadir semula mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini selepas bercuti tiga tahun, berterima kasih kepada presiden parti dan para anggota MT kerana memberi kesempatan kepadanya menghadiri mesyuarat itu.

Sambil menyatakan Umno adalah parti yang banyak berjasa kepada orang Melayu, beliau berjanji akan meneruskan usahanya membantu parti menjadi lebih kuat.

"Selama tempoh tiga tahun, saya memikirkan bahawa parti ini adalah satu parti yang berjasa dan banyak faedah kepada orang Melayu dan saya menanamkan semangat taat setia setinggi-tingginya dan ingin berkhidmat terus sama ada berjawatan atau tidak," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat MT di sini.

Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat MT 17 Feb lepas mengumumkan bahawa Muhammad, yang bercuti daripada menjalankan tugas sebagai naib presiden Umno, dibenarkan menghadiri semula mesyuarat MT setelah rayuannya (untuk menghadiri mesyuarat MT) diterima.

Muhammad, 53, meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar Selangor pada April 1997 berikutan kes-kes mahkamah yang perlu dihadapinya dan selepas itu dibenarkan bercuti daripada menjalankan tanggungjawabnya sebagai naib presiden Umno.

Masalah Muhammad bermula dengan penahannya di Lapangan Terbang Brisbane, Australia pada akhir 1996 kerana gagal mengisytiharkan wang tunai pelbagai mata wang berjumlah RM2.7 juta.

Pada Mei 1998, Mahkamah Brisbane mengisytiharkan Muhammad yang menjadi naib presiden Umno sejak 1993, sebagai bebas daripada segala tuduhan.

Pada 10 April tahun lepas, Peguam Negara memutuskan untuk tidak membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi di sini yang membebaskan Muhammad daripada tuduhan gagal mengisytiharkan harta milik beliau dan keluarganya.

Pada tahun lalu, MT tidak membenarkan Muhammad daripada bertanding dalam pemilihan di peringkat cawangan dan bahagian kerana masih menghadapi kes mahkamah ketika itu.

Ketika ditanya bagaimana perasaannya menghadiri semula mesyuarat MT, Muhammad berkata, "kekok juga...lepas tiga tahun. Macam orang bercerai nak balik semula... jumpa balik."

"Hari pertama tu... kekok sikitlah. Tetapi kawan-kawan yang ada dalam Majlis Tertinggi itu saya kenal... tidak jadi masalah apa-apa," katanya.

Ditanya mengenai bahagian-bahagian Umno yang setakat ini tidak satu pun mencalonkan beliau untuk bertanding mempertahankan jawatan naib presiden, Muhammad berkata apa juga keputusan yang diberikan oleh anggota Ummno akan diterimanya.

"Saya harap dalam beberapa minggu akan datang ini, ada bahagian-bahagian yang memberi pertimbangan," kata Muhammad, yang sebelum ini telah menawarkan diri untuk mempertahankan jawatan naib presiden.

-- BERNAMA

NZ NAK